



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**



**CONTOH KLAUSA-KLAUSA YANG PERLU DIMASUKKAN
KE DALAM DOKUMEN TENDER**

**PELAWAAN KEPADA PIHAK PENENDER / PEMBEKAL
JABATAN**

1. Penender mestilah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan **kod bidang NNNNNN (Peralatan Komputer) dan menggunakan ePerolehan**, untuk:

Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of One (1) Unit Of Micro Computer For Pusat Latihan

2. Pembelian dokumen Tender boleh dibuat di **Pusat Perhubungan (Telecenter)** iaitu di ...
.....[Alamat Pusat Perhubungan]
3. Penender perlu menyediakan dokumen sokongan Tender mengikut perkara-perkara di bawah :

**BAHAGIAN I - PERATURAN AM DAN SYARAT TENDER
BAHAGIAN II - BORANG-BORANG MAKLUMBALAS
PENENDER / PEMBEKAL
BAHAGIAN III - DERAJAT PERJANJIAN**

4. Penender perlu menyediakan **cadangan tawaran teknikal dan cadangan tawaran harga secara atas talian melalui sistem ePerolehan**. Keperluan bagi setiap cadangan adalah seperti diterangkan didalam: -

**BAHAGIAN IV - SPESIFIKASI TEKNIKAL
BAHAGIAN V - HARGA TENDER**



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**



5. Penender perlu menyediakan Dokumen Sokongan **dan menghantarnya secara manual (bukannya secara atas-talian)**. Bentuk susunan Dokumen Sokongan adalah seperti berikut :

- Pihak Penender mestilah menyediakan dokumen tersebut dalam dua (2) set dalam sampul surat yang berasingan iaitu satu sampul untuk Jawatankuasa Kewangan dan satu lagi untuk Jawatankuasa Teknikal.

Bentuk dan susunan dokumen mestilah sepertimana diterangkan dalam para (ii) (a) dan (ii)(b) di bawah.

- Kandungan Dokumen Sokongan

- (a) Dokumen Sokongan Kewangan Untuk Jawatankuasa Kewangan
- (b) Dokumen Sokongan Teknikal Untuk Jawatankuasa Teknikal.

- Setiap set dokumen sokongan perlu dimasukkan ke dalam 2 sampul surat yang berasingan dan dilabelkan:

**‘SULIT – NO. TENDER: X035108130106XXXX
– NO. TAG PEMBEKAL: Y035108130106XXXX
(Dokumen Sokongan Teknikal)’**

dan

**‘SULIT – NO. TENDER: X035108130106XXXX
– NO. TAG PEMBEKAL: Y035108130106XXXX
(Dokumen Sokongan Kewangan)’**



SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA



serta dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah

Jabatan

Ibu Pejabat, Tingkat 1,

Presint 2

Putrajaya

- Cadangan tawaran tender mestilah dihantar secara atas talian (*online*) pada atau sebelum 12.00 tengahari _dd/mm/yyyy_. Cadangan tawaran yang lewat tidak akan diterima oleh sistem ePerolehan.

- Dokumen sokongan tender mestilah dihantar ke dalam peti tender pada atau sebelum 12.00 tengahari _dd/mm/yyyy_. Dokumen sokongan tender yang lewat tidak akan dipertimbangkan. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas dokumen tender yang dihantar melalui kiriman pos sekiranya berlaku sebarang kelewatan, kehilangan atau lain-lain lagi.

-



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**



PERATURAN AM DAN SYARAT TENDER

- Pertanyaan

i) Semua pertanyaan dan surat menyurat berhubung dengan tender ini hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah
Pusat Latihan

Tingkat 1,
Presint 2,
Putrajaya
No. Tel : xx-xxxxxxxx
No. Fax : xx-xxxxxxxx

ii) Jika Penender mempunyai sebarang kemusykilan mengenai penghantaran cadangan secara atas-talian (*online*), bolehlah menghubungi :-

Pusat Khidmat Pelanggan ePerolehan

No.15, Wisma Amtek,

Jalan Tandang, Petaling Jaya.

No. Tel : 03 -7985 7700

No. Tel : 03 -7985 7800

Emel : bantuan@commercedc.com.my

1.3 Prosedur Pemilihan

Berikut adalah perkara-perkara mandatori dalam pemilihan penender;



SISTEM ePEROLEHAN PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA



1.3.1 Memenuhi Prosedur Tender

Penender wajib mematuhi semua Prosedur Tender Kerajaan termasuk yang dinyatakan dalam iklan KENYATAAN TENDER. Hanya Penender yang mengemukakan cadangan Teknikal dan Cadangan Harga melalui [sistem ePerolehan](#) sahaja yang akan dinilai.

1.3.2 Memenuhi Spesifikasi Teknikal Yang Ditetapkan

- i. Cadangan yang dibuat secara atas talian melalui sistem ePerolehan mestilah memenuhi semua spesifikasi teknikal minimum yang dikehendaki. Cadangan lain hanya akan dinilai jika justifikasi yang jelas diberikan dan boleh diterima oleh Jawatankuasa Teknikal Tender.

1.14 Harga Dan Bayaran

1.14.1 Harga yang dikemuka hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan tempoh sah lakunya tidak kurang dari enam (6) bulan dari tarikh tutup penyerahan tender dan pihak penender tidak boleh menarik balik tender mereka dalam tempoh ini. Penender hendaklah mengambilkira kenaikan/potongan sebanyak 0.8% yang akan dibuat ke atas setiap inbois di dalam cadangan Harga.

1.14.2 Jadual Bayaran yang akan dibuat oleh JABATAN..... adalah seperti termeterai di dalam perjanjian. **Bayaran yang akan dibuat oleh JABATAN..... kepada Penender yang berjaya adalah tertakluk kepada potongan sebanyak 0.8% daripada jumlah nilai setiap inbois yang dikeluarkan. Had maksimum potongan adalah**



SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA



sebanyak RM9,600.00 bagi nilai invoice yang bersamaan dengan RM1.2 juta atau lebih.

1.15 Setuju Terima Tender

Penender yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Setuju Terima Tender yang akan seterusnya menjadi sebahagian dari Perjanjian Bekalan. Penender yang berjaya juga dimestikan untuk menyetujui terima secara atas-talian melalui sistem ePerolehan.



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**



DERAF PERJANJIAN

- PAYMENTS TERMS

Setiap inbois yang dikeluarkan oleh pembekal dikenakan kenaan sebanyak 0.8% tertakluk kepada had maksima sebanyak RM9,600.00 atau minima RM1.2 juta nilai inbois.

CONTOH BORANG AKUAN TENDER

(BORANG TENDER)

Ketua Pengarah

.....

Tarikh:

Tuan,

TENDER NO. JABATAN..... n/2005

Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning One Unit Of Micro Computer For Pusat Latihan.....

Adalah saya/kami yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengemukakan tawaran bagi peralatan yang diperlukan dengan harga-harga yang telah ditentukan di dalam _____. Tawaran ini mempunyai sahlaku untuk tempoh selama enam (6) bulan dari tarikh tender ini ditutup.

2 Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju sepenuhnya:



SISTEM ePEROLEHAN PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA



- i. Bahawa tawaran ini akan dijadikan asas oleh Kerajaan untuk penerimaan tawaran kami;
- ii. Bahawa Kerajaan berhak mengubah mana-mana spesifikasi peralatan yang dinyatakan;
- iii. Bahawa Kerajaan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tender;
- iv. Bahawa Kerajaan berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian daripada tawaran penender mengikut pakej atau menerima tawaran pakej yang sama daripada lebih daripada satu penender;
- v. Bahawa sekiranya tawaran kami diterima maka satu kontrak yang formal akan ditandatangani di antara pihak kami dengan Kerajaan selaras dengan tawaran yang diberikan;
- vi. Bahawa sekiranya tawaran kami diterima maka kami akan menandatangani dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penerimaan Surat Setuju Terima Tender tetapi sebelum bermulanya pembekalan, perkara-perkara berikut:
 - a) Bon Pelaksanaan ; dan
 - b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang dan kerosakan kepada harta);



SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA



- vii. Bahawa Surat Akuan Tender (Borang Tender) beserta dengan Surat Setujuterima Tender ini hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara Kerajaan dan penender walaupun kontrak yang formal belum dilaksanakan;
- viii. Bahawa kami bersetuju untuk menyempurnakan pembekalan dan penghantaran dalam tempoh yang dinyatakan dalam *Bahagian I – Para 1.6 Penghantaran dan Pemasangan*;
- ix. Bahawa sekiranya kami menolak tawaran ini atau jika maklumat yang diberikan adalah palsu, Kerajaan boleh membawa kes ini ke Mahkamah;
- x. Bahawa kami akan mematuhi segala syarat-syarat sepertimana yang dinyatakan di dalam dokumen tender ini;
- xi. Bahawa Kerajaan berhak membatalkan atau mengubah kontrak formal bagi perkara (e) tersebut diatas tanpa memberi sebarang alasan dan sebab. Kerajaan tidak akan membayar sebarang pampasan atas gantirugi yang ditanggung oleh kami; dan
- xii. Bahawa sekiranya tawaran kami diterima maka kami membenarkan pihak Kerajaan untuk membuat potongan sebanyak 0.8% ke atas setiap invois yang dikeluarkan oleh kami dan tertakluk kepada had maksimum potongan sebanyak RM9,600.00 bagi invois bernilai RM1.2 juta atau lebih.
- xiii. Bahawa keputusan Lembaga Tender adalah muktamad.

Bagi pihak Penender :

Tandatangan :

Penender :

Nama Penuh :



SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA



No. Kad Pengenalan : _____

Alamat/Cop Syarikat : _____

Di hadapan : _____

Tandatangan Saksi : _____

Nama Penuh Saksi : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Saksi : _____

Alamat : _____

: _____
